

Konsep Fesyen Menurut Syarak dan Kaitan dengan *Tabarruj*: Satu Tinjauan Literatur

*Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj:
A Literature Review*

SITI ZANARIAH HUSAIN, Universiti Kebangsaan Malaysia
MUHAMMAD ADIB SAMSUDIN¹, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: July 06, 2021 Accepted: October 16, 2021 Online Published: December 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Sejarah pakaian dan fesyen telah bermula seiring dengan perkembangan tamadun manusia. Pakaian yang direka dengan pelbagai gaya yang pada asasnya untuk melindungi badan dari sebarang elemen yang mendatangkan ketidakselesaan kepada pemakainya seperti mengelakkan kesan panas dan sejuk, telah berubah dari semasa ke semasa, mengikut peredaran zaman. Islam tidak pernah menolak kepelbagaian dalam berfesyen dan akhirnya dikaitkan dengan tabarruj. Namun sebagai seorang muslimah, amalan dalam berfesyen hendaklah menurut garis panduan yang telah diberikan oleh Islam agar tidak mengamalkan konsep tabarruj. Artikel ini mengkaji konsep fesyen yang dibenarkan oleh Islam dan kaitan fesyen dengan tabarruj berdasarkan kajian lepas. Metode yang digunakan ialah melalui kajian kepustakaan. Ini kerana bahan yang diperolehi adalah melalui artikel dan bahan rujukan diperpustakaan sahaja. Hasil kajian di dapati beberapa garis panduan yang disebut sebagai tabarruj dalam berfesyen. Dapatan kajian ini boleh dijadikan sedikit panduan dan rujukan dalam bidang berkaitan. Implikasi kajian artikel ini memberi garis panduan dalam berfesyen kepada Wanita Muslimah agar tidak tabarruj dalam berfesyen. Ini kerana Islam mengatur corak kehidupan manusia dalam setiap aspek baik dari ekonomi, politik mahupun sosial yang sudah pasti untuk kebaikan manusia.

Kata Kunci: fesyen, pakaian berlandaskan al-Quran dan al-Hadis, tabarruj dan bentuk-bentuk.

ABSTRACT

The history of clothing and fashion has begun in line with the development of human civilization. Clothes designed in various styles that are basically to protect the body from any elements that cause discomfort to the wearer such as avoiding the effects of heat and cold, have change from time to time, according to Trend. Islam never rejected diversity in fashion and was eventually associated with tabarruj. However, as muslimah, the practice in fashion must follow the guidelines given by Islam so as not to practice the concept of tabarruj. Which is not allowed by Islam. This article examines the concept of fashion permitted by Islam and the relation of fashion to tabarruj based on past studies. The method used is through a literature review. This is because the material obtained is through articles and reference materials in the library only. The results of the study found some guidelines referred to as tabarruj in fashion. The findings of this study can be used as a guide and reference in related fields. The implications of the study of this article provide guidelines in fashion to muslim women so that they do not tabarruj in fashion. This is because Islam is founded on the axis of faith, law and morality. Islam regulates the pattern of human life in every aspect be it economic, political or social which is definitely for the good mankind.

Keywords: fashion, clothing based on the Quran and Hadith, tabarruj and forms.

PENGENALAN

Permasalahan aurat wanita merupakan salah satu isu sosial atau akhlak yang penting dan perlu kepada penyelidikan yang teliti. Konsep aurat dalam amalan

berfesyen dalam kehidupan seharian merangkumi pelbagai keadaan dan situasi. Misalnya sewaktu berada bersendirian di tempat yang tertutup atau di dalam gelap, di hadapan mahram, bersama perempuan muslim, bersama perempuan bukan Islam dan

¹ Corresponding author.

akhirnya di hadapan lelaki bukan *mahram* (Suhid et al.,2013). Jelas dalam al-Quran perkataan aurat ini disebut beberapa kali, antaranya dalam surah al-Nur 24:31,58 dan surah al-Ahzab 33:13. Ayat pada surah al-Nur 24:31, ia merujuk aurat sebagai kemaluan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya (Ishak et al.,2012), seperti firman Allah s.w.t dalam surah al-Nur 24:31.

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ بَعْضُنَّ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَا يَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنَاتِ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنَاتِ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّبَاعِينَ غَيْرِ أُولَى الْأَرْبَابَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الْوَالِدِ الَّذِينَ لَمْ يُظْهَرُوا عَلَى عَوْرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: "Katakanlah kepada wanita yang beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang biasa nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka atau putera-putera suami mereka atau saudara-saudara mereka atau putera-putera saudara lelaki mereka atau putera-putera saudara perempuan mereka atau wanita-wanita Islam atau hamba-hamba yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekelian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung".

Menurut Muhammad al-Ghazali (1990) dalam buku *Qadaya al-Mar'at* beliau mengkritik tentang cara berpakaian wanita yang tidak mematuhi etika amalan berpakaian atau berfesyen menurut syarak. Menurut Izzat Daruzah (1985) dalam buku beliau *al-Mar'at Fi al-Quran Wa al-Sunnah* membangkitkan soal pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bebas daripada pengaruh nafsu syahwat. Beliau menyatakan adalah penting untuk mengambil kira semua ayat dan hadis yang memperkatakan tentang aurat, hijab dan merendahkan pandangan (ghad al-basar). Betapa penting menjaga pergaulan supaya berada dalam landasan syarak yang bersih daripada dorongan hawa nafsu seks di antara lelaki dan perempuan. Walaupun mereka inginkan pakaian yang berfesyen namun apa yang penting ialah keperluan kepada pakaian yang bermaruah dan menepati etika berpakaian menurut syarak.

Mutakhir ini muncul istilah baru dalam dunia fesyen Muslimah iaitu Hijabista. Ia adalah gabungan istilah hijab dan stailo (sinarharian, 20 Mei 2014). Gaya pemakaian ini cukup popular di kalangan peminat-peminat fesyen tanah air. Terdapat segelintir pereka fesyen merujuk kepada fesyen berjubah wanita Asia Barat dalam berpakaian walaupun ia tidak menunjukkan gaya berpakaian Islam yang sebenar. Busana Muslimah seperti *Hijabista*, *Bobista*, *Boavista*, *Stailo*, *Jilbobs* dan bermacam-macam lagi fesyen yang

menggunakan rona warna yang agak keterlaluan yang berpandukan barat dengan alasan supaya wanita Muslimah tampil anggun, menawan dan berani.

Apa yang membimbangkan, ini akan menimbulkan salah faham masyarakat awam tentang kod etika pematuhan pakaian syarak yang telah dinyatakan dengan jelas oleh al-Quran dan al-Sunnah serta disepakati oleh Jumhur Ulama. Tujuan utama kod etika pematuhan pakaian menurut syarak diketengahkan supaya berpaksikan kepada *Maqasid Syariah*. Fenomena berfesyen hari ini terpesong dari matlamat asal pemakaian menurut syarak yang pada asasnya bertujuan untuk memelihara maruah wanita.

Apabila ditinjau dari pelbagai laman sesawang di dapati pakaian lelaki dan wanita Islam sekarang banyak yang dilabel sebagai harus dipakai, seperti *blouse*, tali leher, *t-shirt*, *skirt* dan sebagainya. Namun begitu sebahagiannya jauh menyimpang dari kriteria pakaian seorang muslim. Label-label ini sekali lagi dibimbangi akan merosakkan ibadah dan akidah si pemakai apabila mereka mendakwa bahawa pakaian mereka adalah pakaian yang diizinkan syarak. Abd al-Hamid Al-Bilali (1997) bimbang terhadap bahaya kecelaruan berfesyen ini akan menjerumuskan seorang pereka fesyen atau penggemarnya kepada kemunafikan akibat salah label dalam berfesyen. Dalam industri fesyen dewasa ini, umat Islam disogokkan dengan lambakan kepelbagaian rekaan fesyen yang menampilkan ragam dan citra sendiri dengan label-label tertentu dan berimej Islam. Ini telah mengundang reaksi yang pelbagai daripada masyarakat pengguna, khususnya pengguna Muslimah seterusnya menimbulkan kekeliruan yang bukan sedikit. Justeru, timbul persoalan sejauh manakah fesyen Muslimah ini menepati kehendak syarak?

Objektif kajian adalah untuk memberi garis paduan kepada wanita dalam berfesyen agar tidak dikatakan *tabarruj*. Garis panduan ini diperolehi daripada dalil ayat al-Quran dan al-Hadis. Dalam penyediaan artikel ini, metodologi yang digunakan ialah melalui kaedah kepustakaan. Bahan yang diperolehi adalah melalui artikel di laman sesawang dan bahan bacaan di perpustakaan. Selain itu, implikasi yang diperolehi melalui artikel ini ialah wanita muslimah akan dapat satu garis panduan yang membezakan antara fesyen dan amalan *tabaruj* dalam berpakaian berdasarkan dalil al-Quran dan al-Hadis.

KONSEP FESYEN WANITA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Apabila memperkatakan tentang fesyen ia merujuk kepada gaya yang ditampilkan oleh si pemakai. Sama ada diterima oleh semua lapisan masyarakat atau hanya sekelompok sahaja, bergantung kepada apa yang diketengahkan dan penerimaan masyarakat itu sendiri. Pereka fesyen Barat memperkenalkan sebuah terminology yang dipanggil "fesyen", ini memberi kesan besar dalam dunia Islam atas alasan "sense of art" maka seni itu sendiri pincang (Affwan, 2016).

Fesyen ini boleh berubah dan mengalami proses penerimaan dan penolakan. Ia berlaku disebabkan oleh sikap dan penerimaan masyarakat itu sendiri (Mohd Suffian Hamzah, 2017). Fesyen adalah pelbagai gaya berpakaian yang pada asasnya melindungi badan dari sebarang elemen yang mendatangkan ketidakselesaan kepada pemakainya seperti mengelakkan kesan panas atau sejuk (Zubaidah, 1994). Manakala berfesyen dalam Islam ada batasannya kerana tujuan utamanya adalah untuk menjaga *maslahah* atau *maqasid Syariah* (Mohd Helmi, 2010). Pendapat ini selari dengan pendapat Hamka, 1980 bahawa fesyen berpakaian adalah pakaian yang menepati kesopanan Islam. Perkembangan mutakhir ini pelbagai istilah baru dalam dunia fesyen muslimah telah muncul.

Islam meletakkan garis panduan bagi fesyen wanita merangkumi aspek bentuk pakaian, jenis pakaian dan aksesori (Rashidah Othman et al, 2016).

Reka Bentuk Pakaian.

Konsep reka bentuk pakaian wanita menurut perspektif Islam dapat dikelaskan seperti berikut:

1. Pakaian mestilah menutupi seluruh badan wanita kecuali anggota yang terdapat pengecualian seperti muka dan tangan. Kebanyakan pereka fesyen kontemporari memandang rendah konsep ini, memandangkan ialah trend yang sentiasa mengikuti pasaran fesyen dunia terkini. Ini dapat dilihat pada pola reka bentuk yang mengalami perubahan. Meskipun begitu, terdapat sebilangan kecil fesyen yang mengekalkan fesyen mengikut syariat Islam. Allah s.w.t menegaskan tentang kewajiban wanita menutupi segala perhiasannya daripada pandangan golongan ajnabi. Firman Allah s.w.t dalam Surah an-Nur ayat 6 yang bermaksud;

“Katakanlah kepada wanita yang beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang biasa nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya.”

Menurut Ibnu Kathir (1999) maksud “*kecuali yang zahir daripadanya*” adalah kain yang dipakai di atas baju atau pakaian. Pandangan yang rajih dalam konteks ini menurut riwayat Ibn Abbas, harus bagi wanita menampakkan muka dan kedua tangannya dan wajib menutup aurat kecuali selain bahagian tersebut. Abdul Kareem Zaidan (2000), harus bagi wanita menampakkan muka, kedua tangan dan kaki. Oleh itu, wajib bagi wanita menutup keseluruhan tubuh badannya melainkan muka, kedua tangannya berdasarkan riwayat yang sahih. Hal ini sesuai dengan keadaan dan budaya wanita zaman sekarang yang kebanyakannya bekerjaya. Apabila menutup muka dan tapak tangan akan merumitkan wanita di tempat kerja.

2. Pakaian itu mestilah tebal, tidak terlalu nipis dan selesa dipakai. Kewajiban menutup aurat adalah amat dititik beratkan oleh Islam. Ini bukan sekadar mengutamakan fesyen tetapi tuntutan syariat Islam itu yang penting. Oleh itu Islam telah memberi panduan pakaian pada wanita. Pakaian itu hendaklah tebal dan tidak terlalu nipis kerana ia boleh menimbulkan pelbagai fitnah dan dapat menjaga kehormatan. Sabda Rasulullah s.a.w, yang bermaksud:

“Ada dua golongan dari ahli neraka yang belum pernah saya lihat keduanya itu: (1) Kaum yang membawa cambuk seperti ekor sapi yang mereka pakai buat memukul orang (penguasa yang kejam); (2) Perempuan-perempuan yang berpakaian tetapi telanjang, yang cenderung kepada perbuatan maksiat dan mencenderungkan orang lain kepada perbuatan maksiat, rambutnya sebesar punuk unta. Mereka ini tidak akan boleh masuk syurga, serta tidak dapat mencium bau syurga, padahal bau syurga itu tercium sejauh perjalanan demikian dan demikian (Muslim, 1998).

Menurut Imam Sayuti maksud “*perempuan yang berpakaian tetapi telanjang*” dalam hadis tersebut ialah perempuan yang memakai pakaian nipis dan menampakkan bayangan auratnya. Selain itu Ibn Taimiyyah (2005) menjelaskan bahawa perempuan tersebut memakai pakaian menutupi badannya tetapi hakikatnya tidak berpakaian. Itulah perempuan yang memakai pakaian yang nipis menampakkan warna kulitnya atau memakai pakaian yang ketat menampakkan tubuh badannya. Terdapat hadis lain yang menjelaskan larangan memakai pakaian nipis iaitu:

“Saidatina Aisyah r.a meriwayatkan saudaranya iaitu Asma’ binti Abu Bakar pernah masuk di rumah Nabi dengan berpakaian jarang sehingga nampak kulitnya. Kemudian Baginda s.a.w. berpaling dan mengatakan: “Hai Asma sesungguhnya seorang perempuan apabila sudah haid (cukup umurnya), tidak patut diperlihatkan tubuhnya itu, melainkan ini dan ini, sambil menunjukkan muka dan dua tapak tangannya.” (Abu Daud, 2003)

3. Pakaian itu longgar dan tidak terlalu sempit. Allah s.w.t mensyariatkan wanita menutup aurat kerana terdapat hikmahnya yang tersendiri. Ini dapat menghindarkan diri daripada fitnah dan kemungkaran yang berleluasa dalam masyarakat. Allah s.w.t melarang wanita mempamerkan badannya atau bahagian-bahagian daripadanya kepada golongan ajnabi. Mendedahkan tubuh badan sama ada dengan berpakaian nipis, sempit adalah haram boleh menimbulkan nafsu syahwat dan fitnah. Ini tidak memenuhi tujuan sebenar pensyariatkan pakaian menurut Islam. Oleh itu, disyaratkan bagi wanita muslimah memakai pakaian yang besar dan longgar untuk mengelakkan fitnah, kemungkaran dan menarik pandangan nafsu syahwat. Terdapat hadis yang melarang memakai pakaian yang boleh menampakkan bentuk tubuh dan warna kulit.

Hadis Usamah bin Zaid: Rasulullah s.a.w memakaikan dia baju Qibti (baju yang disandarkan pada nama tempat di Mesir) yang tebal, ia pernah dihadiahkan kepada Dihyah al-Kalbi, maka diberi kepada isterinya, kemudian Rasulullah s.a.w bertanya: kenapa dia tidak memakai baju (Qibtiah) tersebut?, lalu dia menjawab, ia telah diberi kepada isteri. Kemudian Rasulullah bersabda: suruhlah isteri kamu lapik di atas kainnya kerana dikhuatiri menampakkan bentuk tubuh badannya.” (Ahmad bin Hanbal, 2001)

Jenis Pakaian

Jenis pakaian wanita muslimah menurut Islam adalah tidak memakai pakaian yang menyerupai lelaki dan tidak menyerupai pakaian wanita kafir. Di samping itu juga, pakaian itu bukanlah bertujuan untuk kemahsyuran atau kemegahan

1. Pakaian tersebut tidak menyerupai pakaian lelaki. Allah s.w.t telah mencipta lelaki dan perempuan dengan fitrah masing-masing yang sempurna dan sesuai. Senario fesyen yang moden dan berkembang pesat dalam kalangan wanita dan lelaki memberi kesan kepada gaya hidup. Pemakaian pakaian t-shirt bagi wanita menyerupai lelaki dan seluar wanita menyerupai seluar lelaki. Realiti pakaian hari ini telah mengubah fitrah ilahi yang membezakan di antara wanita dan lelaki. Walau bagaimanapun diharuskan bagi wanita memakai t-shirt yang labuh dan seluar yang longgar. Dalam hadis yang bermaksudnya: *“Allah s.w.t mengharamkan lelaki menyerupai perempuan atau perempuan menyerupai lelaki secara umum dan Rasulullah s.a.w melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita, dan wanita memakai pakaian lelaki.”* (Abu Daud, 2003).
2. Pakaian itu tidak menyerupai pakaian wanita kafir. Asas dalam syariat Islam adalah menjauhi daripada menyerupai orang kafir iaitu Yahudi, Nasrani atau sebagainya. Ia termasuklah dalam soal ibadah, adat, pakaian dan etika dalam kehidupan. Hal ini berlaku terhadap perkembangan fesyen dalam era globalisasi. Fesyen tersebut dipengaruhi dengan budaya dan pemikiran Barat, dari aspek reka bentuk pakaian yang ditonjolkan terdiri daripada pakaian yang nipis, jarang dan ketat sehingga menampakkan bentuk badan. Oleh demikian itu, Islam melarang pemakaian sedemikian sebagai mana diriwayatkan oleh Ibnu Umar r.a: *“Barang siapa menyerupai suatu kaum, maka ia termasuk dalam golongan tersebut.”* (Abu Daud, 2003). Demikianlah, Islam memiliki keperibadian mulia yang dizahirkan dalam diri manusia sekaligus mengatur kehidupan yang lebih harmoni sesuai dengan fitrah manusia.

Di samping itu, dalam soal memakai pakaian menyerupai orang kafir seperti pakaian khas untuk ibadat, jelas dilarang seperti pakaian berwarna merah yang dipakai oleh paderi Buddha atau tudung wanita seperti tudung yang dipakai oleh paderi wanita (Abdul Kareem Zaidan, 2000). Senario hari ini, pakaian yang menjadi kebiasaan bagi orang kafir dan dapat diterima dalam kalangan masyarakat Islam seperti ‘jaket’, ‘tali leher’, ‘seluar jeans’, ‘blouse’ dan sebagainya. Pakaian tersebut tidak dilarang memakainya kerana sudah lama diterima oleh masyarakat sebagai pakaian umum. Pakaian yang dilarang adalah pakaian yang berbentuk keagamaan mereka.

3. Pakaian itu bukan bermaksud untuk tujuan kemahsyuran. Pakaian kemahsyuran mempunyai beberapa pengertian menurut Islam. Sarjana Islam mengklasifikasikan konsep *syuhrah* kepada beberapa kategori. Menurut al-Syaukani (1900), pakaian yang mempunyai gabungan kepelbagaian warna yang keterlaluan berbanding pakaian yang mempunyai satu warna sahaja. Kemudian ia juga dikategorikan dari aspek material pembuatan pakaian seperti sutera, benang emas atau perak. Abdul Kareem Zaidan (1993) pula menjelaskan ia dikenali dengan pakaian yang mempunyai harga yang mahal. Dan akhir sekali pakaian yang dipakai untuk menarik perhatian orang.

Aksesori Pada Pakaian

Aksesori pakaian adalah penveri sesuatu penampilan secara keseluruhannya. Pemilihan aksesori boleh mempengaruhi personaliti yang berbeza pada diri seorang wanita. Ia bukanlah suatu kesalahan. Pemakaian aksesori atau perhiasan pada pakaian haruslah bersederhana mengikut panduan Islam. Islam adalah agama fitrah. Pensyariatan pelaksanaan sesuatu hukum adalah tidak bercanggah dan sesuai dengan fitrah semula jadi manusia. Perhiasan dengan pelbagai bentuk adalah harus pada asalnya, melainkan terdapat dalil yang menegahnya (Abdul Kareem Zaidan, 1993). Islam meraikan fitrah wanita yang suka kepada kecantikan. Aksesori fesyen wanita kontemporari adalah berbeza mengikut perkembangan semasa dunia fesyen. Dalam konteks aksesori pakaian, ia boleh dikategorikan kepada aspek warna, aksesori pada pakaian seperti manik-manik *“beading”* dan memakai wangi-wangian.


1. Warna: Pemakaian pakaian yang berwarna diharuskan bagi lelaki mahupun wanita, melainkan terdapat dalil yang melarang. Tidak terbatas dengan kepelbagaian pemilihan warna. Hal ini dilarang oleh Nabi s.a.w seperti mana dalam hadis yang menceritakan bahawa Rifa’ah memakai tudung berwarna hijau tetapi Nabi s.a.w tidak melarangnya. (al-Bukhari, 2002).

Selain itu, Rasulullah s.a.w pernah memakai baju berwarna kuning kekuningan (al-Bukhari, 2002). Jelas di sini pemilihan pemakaian yang berwarna adalah diharuskan dalam Islam baik lelaki mahu pun wanita. Namun tidak digalakkan dengan pemilihan warna yang agak keterlaluan sebaliknya bersederhana.

2. Pemakaian bau wangi-wangian: Ia bermaksud sesuatu benda yang mempunyai bau yang baik, yang boleh dicitum. Digunakan oleh manusia untuk menyapu rambut, badan dan muka seperti kasturi "*misk*". Zaman sekarang ia dikenali sebagai *perfume*, bedak dan *deodorant*. Secara umumnya harus bagi wanita memakai wangi-wangian. Ini disandarkan melalui hadis Nabi s.a.w bahawa terdapat seorang wanita yang membuat cincinnya daripada *misk* dan Nabi s.a.w mengatakan ia adalah sebaik-baik wangian (al-Nasai', 1986). Hal demikian menunjukkan harus memakai wangi-wangian bagi wanita berdasarkan umum hadis. Kemudian terdapat juga hadis yang lebih khusus melarang wanita memakai wangi-wangian ketika keluar rumah iaitu; Nabi s.a.w melarang memakai bau-bauan adalah seumpama berzina kerana memakai bau-bauan bertujuan supaya orang lain dapat menghidu baunya (Abu Daud, 2003). Apabila wanita memakai memakai bau-bauan dan setiap pandangan ajnabi yang melihatnya adalah zina. Ia boleh merangsang syahwat lelaki terhadap bau-bauannya dan dianggap berdosa (al-Tirmizi, 1997). Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'I, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksudnya: "*Rasulullah s.a.w bersabda: Mana-mana perempuan yang memakai bau-bauan lalu ia melintas suatu majlis (yang ada di dalamnya kaum lelaki ajnabi) agar mereka mencium baunya maka juga dikirakan berdosa seperti berzina*". Wanita diharuskan memakai wangi-wangian jika ia tidak dapat dihidu orang lain. Tetapi kebanyakan *perfume* pada zaman sekarang dihasilkan seolah-olah untuk menarik perhatian orang dengan pelbagai bau yang menarik sama ada daripada jenis bau yang lembut atau kuat. Jadi, pemakaian yang sebaliknya adalah sekadar membersihkan diri daripada bau yang tidak disenangi supaya tidak menimbulkan fitnah.
3. Aksesori pakaian mempunyai perhiasan batu permata dan manik-manik: Kebanyakan reka bentuk fesyen kontemporari wanita sarat dengan pelbagai perhiasan manik-manik dan batu permata. Pemakaian perhiasan sedemikian dilarang jika bersifat sederhana. Hal demikian bertepatan dengan konsep *tabarruj* yang dilarang dalam Islam. Ini akan mempamerkan kecantikan seluruh badan dan perhiasan yang dipakai di hadapan khalayak ramai. Ini kerana pada dasarnya pensyariatian pakaian dalam Islam adalah menutup aurat, bukan untuk

mempamerkan kecantikan. Fenomena dunia fesyen hari ini menggambarkan bahawa pereka fesyen ingin mengekalkan konsep fesyen mengikut syariat Islam dan dalam masa yang sama mengikut trend masa kini. Oleh hal yang demikian, mereka menghasilkan konsep yang dinamakan fesyen muslimah kontemporari yang dihiasi dengan perhiasan yang menarik. Islam meraikan fitrah manusia yang sukakan kecantikan dan perhiasan tetapi perlu diingat ia tidak bercanggah dengan Islam.

Rajah 1: Konsep fesyen menurut Islam



DEFINISI FESYEN

Kamus Dewan (2007) merujuk fesyen sebagai gaya pakaian, kosmetik, tingkah laku dan lain-lain yang menjadi kegemaran dan diminati oleh orang ramai dan diikuti serta berubah dari masa ke semasa. Menurut Abu Abdullah (2013) fesyen adalah rekaan yang disebut sebagai *al-maudhoh* manakala fesyen terkini pula disebut sebagai *al-maudhoh al-'asriyah* Akhir *maudhoh* fesyen terkini manakala *a'la maudhoh* mengikuti perkembangan fesyen terkini (Kamus Moden Arab-Melayu-English: 2017. Namun fesyen yang dimaksudkan di sini ialah fesyen pakaian yang menepati etika pematuhan pakaian menurut syarak (Mohd Suffian Hamzah, 2017).

DEFINISI TABARRUJ

Menurut al-Bukhari Rahmatullahi (2002), ada berkata: "*Tabarruj* ialah seseorang wanita yang

memperlihatkan kecantikan rupa parasnya". Untuk menjaga masyarakat daripada bahaya pendedahan aurat dan di samping menjaga kehormatan wanita dari sebarang pencerobohan. Maka Allah s.w.t melarang setiap wanita yang berakal dan baligh dari bersolek (*tabarruj*) untuk dipersembahkan kepada selain mahramnya. Dalam Islam hukum bersolek bagi wanita ada pelbagai keadaan, ada hukumnya wajib, sunat, haram dan makruh. Ini bergantung kepada situasi dan keadaan tertentu. Nurul Nashirah (2018), memperlihatkan kecantikan yang ada pada diri seorang wanita itu kepada yang bukan mahramnya adalah *tabarruj*. Iaitu memperlihatkan kecantikan seperti membuka dan mempamerkan keindahan bahagian-bahagian tertentu yang mengghairahkan seperti pinggul, lengan, betis, dada, leher dan wajah. Menampakkkan kecantikan dan menonjolkan keelokkan wajah dan tubuh badan boleh menjadi fitnah. Begitu juga menurut Imam Bukhari bahawa *tabarruj* adalah wanita yang mempertontonkan kecantikannya (Mohd Hanif, 2007).

Menurut Mat Saad (1985), bahawa: "Jika kata *tabarruj* ditujukan kepada wanita, maka ia memiliki tiga pengertian seperti berikut: Pertama, tindakan mendedahkan kecantikan wajahnya dan bahagian-bahagian tubuhnya yang mengundang berahi kepada kaum lelaki yang bukan mahramnya. Kedua, mendedahkan kecantikan pakaian dan perhiasan kepada lelaki yang bukan mahramnya. Ketiga, mendedahkan dirinya melalui cara berjalan, kecomelan dan juga kesombongannya kepada mereka (Al-Jarullah, 1990)

Tabarruj adalah kalimah arab, kata dasarnya *بيرج - بيرج* yang bererti *وارتفع ظهر* yang difahami sebagai apa yang zahir dan nampak, jelas dan timbul. *أظهرت زينتها ومحاسنها* Iaitu ia bermaksud *تبرجت المرأة للاعجاب*. Justeru *tabarruj* adalah wanita yang memakai sesuatu pakaian atau perhiasan dengan tujuan untuk dilihat oleh lelaki *ajnabi* (*Al-Munjid fi al-Lughah wa al-'A'lam: 1984*). Menurut Muhammad Ismail (1967) dalam *Mu'jam al-Alfaz wa A'lam al-Qu'aniyyah*, *tabarruj* didefinisikan sebagai gelagat seorang wanita yang tanpa segan silu menzahirkan kecantikkannya yang tersembunyi di hadapan lelaki *ajnabi* iaitu bukan *muhrim*, serta dapat membangkitkan ghairah lelaki tersebut (Al-Albani, 2002). Manakala *Lisan al-Arab* pula menyebut makna *tabarruj* apabila seseorang wanita mempamerkan dan menonjolkan kecantikkannya kepada lelaki yang bukan mahramnya (Ibn Manzur, 1983). Kesimpulan definisi yang diketengahkan membawa maksud berhias atau mencantikkan diri untuk orang lain atau lelaki lain. Secara umumnya ia memberi implikasi hukum haram bertabarruj'.

Para *mufasssirin* telah mentafsirkan Surah al-Ahzab 33:33 dan menghuraikan maksud di sebalik *tabarruj* sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Tafsir Ibn Kathir (t.t):

1. Mujahid: wanita zaman *jahiliyyah* keluar rumah tanpa tujuan dan berjalan di hadapan kaum lelaki. Ini adalah *tabarruj jahiliyyah*.

2. Muqatil bin Hayyan: *Tabarruj Jahiliyyah* apabila wanita meletakkan tudungnya di kepala dan tidak mengikatnya dengan betul sehingga menampakkkan rantai leher, subang dan lehernya.
3. Qatadah pula menyatakan bahawa Allah melarang dari *tabarruj jahiliyyah* ialah kerana wanita dahulu keluar dengan berleenggang lenggok.
4. Ibn Abu Najih menyatakan ini bermaksud dengan memakai wangi-wangian.

Zainora Daud (2007), para ulamak juga telah memberikan pandangan berkaitan maksud *jahiliyyah al-'ula*. Antaranya ialah:

1. Zaman Nabi Ibrahim dilahirkan, pada waktu itu wanita memakai baju yang diperbuat daripada permata lu'lu' yang tidak berjahit kiri dan kanan. Material yang digunakan juga nipis, mereka dengan megah melangkah di hadapan lelaki *ajnabi*. Ada sesetengah ulamak menyatakan bahawa ia adalah antara zaman Nabi Isa dan rasulullah s.a.w. Abu al-'Aliah pula berpendapat masanya adalah antara zaman Nabi Daud dan Nabi Sulaiman (al-Baghawi, 1997).
2. Pendapat kedua mengatakan bahawa *jahiliyyah* cuma satu iaitu *jahiliyyah* sebelum Islam. Ini disifatkan sebagai yang pertama kerana sifatnya yang tiada lagi sifat yang lain. Seperti contoh firman Allah s.w.t dalam ayat *قال رب احكم بالحق*. Ayat ini menyatakan bahawa Allah s.w.t tidak menghukum kecuali dengan kebenaran (al-Maliki, 1984).

عن أسامة بن زيد رضى الله عن النبي صلى الله عليه وسلم، قال: "ما تركت بعدي فتنة أضر على الرجال من النساء".

Maksudnya: Tidak aku tinggalkan fitnah yang lebih berbahaya ke atas lelaki daripada fitnah (pesona) wanita. (*Sahih Bukhari*. Kitab al-Nikah. Bab Ma Yuttaqa Min Sh'umi al-Mar'at. No 4731).

Menurut Ibrahim (2014), *tabarruj* atau berfesyen sehingga menyanggahi etika pematuhan pakaian menurut syarak adalah merupakan propaganda Yahudi bagi merobek ikatan akidah umat Islam, supaya mereka semakin menjauhi perintah wajib dalam menutup aurat.

Tabarruj berasal dari perkataan *بيرج - بيرج* (Al-Dāmighanī 1970: 66). Menurut bahasa perkataan ini mempunyai tiga maksud iaitu:

1. Bintang (Ibnu Manzūr t.th: 33-34): maksud ini terhasil berdasarkan ketinggian bintang dan kejelasannya bagi orang yang melihat (Al-Qardawiy, 1993) sebagaimana dalam al-Qur'an: Firman Allah dalam surah al-Buruj 85: 1:

والسما ذات البروج

Maksudnya: Demi langit yang mempunyai bintang-bintang besar. Kalimah *البروج* di dalam ayat di atas merupakan jama' dari *البرج* yang bermaksud bintang.

2. Istana, menara dan benteng yang tinggi (Ibnu Manzūr t.th: 33-34). Oleh sebab itu, wanita yang bertabarruj ialah seorang wanita yang menonjolkan kecantikkannya seperti benteng atau istana atau yang menjulang tinggi-tinggi.

(Muhammad Haram Ridā t.th: 15). Sebagaimana firman Allah yang bermaksudnya:

Di mana jua kamu berada, nescaya maut akan mendapatkan kamu, meskipun kamu tinggal dalam benteng yang tertinggi.

Kalimah *بروح* di dalam ayat di atas merupakan jama' dari *البرج* yang bermaksud istana.

3. Berlebih-lebihan *التوسع*. Definisi yang ketiga ini merupakan pengertian yang lebih hampir dalam kajian penulis. Firman Allah s.w.t yang bermaksudnya: "Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliah zaman dahulu".

Para ulama pula mendefinisikan kalimah *tabarruj* dengan pelbagai maksud yang berbeza-beza. (Ibnu al-Jawziyy, 1989).

Oleh kerana itu, istilah *tabarruj* boleh dikategorikan dari sudut pandangan yang berbeza di kalangan ulama-ulama iaitu:

Pandangan Fuqahak

1. *Tabarruj* ialah wanita yang suka mempamerkan kecantikan anggota badan dan perhiasannya dengan pelbagai bentuk hiasan serta suka berjalan melenggang lenggok di hadapan lelaki asing. (Al-OIK, 2000).
2. Perkataan *tabarruj* juga diambil dari firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 33, yang merupakan akar kata (Ibrāhīm Mustafā et.al t.th: 46) yang bermaksud, menampakkan perhiasan dan keindahan pada orang lain. (AlHamshariyy, 1997), iaitu menampakkan apa yang telah diwajibkan syarak menutupnya iaitu perhiasannya, kecantikannya dan tubuh badannya kepada lelaki asing. (Al-Tayyibiy t.th: 56).
3. *Tabarruj* juga merupakan wanita yang suka memakai kosmetik atau alat-alat solek supaya kelihatan anggun, cantik dan menawan di hadapan lelaki asing. (Ibid t.th: 56)
4. *Tabarruj* juga boleh diertikan sebagai berjalan dengan bergaya, bermegah-megah, membongkok dan condong menunjukkan lagak (Wan Muhammad, 1982).
5. Namun begitu *tabarruj* juga terletak pada tubuh badan seseorang wanita itu sendiri yang menjadi sumber perhiasan serta daya tarikan dan bukanlah kepada alat-alat solek atau fesyen-fesyen pakaian sahaja. (Muhammad Haram Ridā t.th; Şidqiyy, 1988).
6. Wanita yang *bertabarruj* ialah wanita yang memperlihatkan kecantikan dan perhiasannya kepada kaum lelaki yang bukan mahram seperti mempamerkan bahagian-bahagian badannya yang mengghairahkan seperti dada, betis, leher, paha, muka dan sebagainya. (Ibnu Manzūr t.th: 33).

7. *Tabarruj jahiliah* ialah segala bentuk perhiasan atau kecantikan seperti anting-anting, rantai, cincin, gelang atau barang kemas lain serta pakaian yang berbentuk nipis, ketat dan mendedahkan aurat dipakai semata-mata bertujuan untuk membangkitkan nafsu syahwat kaum lelaki yang bukan mahram. (Ja'afar Salleh, 1995).
8. Abu Ishak berpendapat bahawa *tabarruj* bermakna memperlihatkan perhiasan yang boleh membangkitkan nafsu syahwat lelaki. (AlZahrā' Fāṭimah Abdullah, 1989).
9. Manakala Al-Maududi pula menjelaskan bahawa perkataan *tabarruj* apabila difokuskan kepada wanita mengandungi tiga maksud iaitu:
 - a. Menunjukkan kecantikan wajah dan bahagian tubuh badan yang
 - b. memberangsangkan kepada lelaki yang bukan mahram.
 - c. Memperlihatkan kecantikan, pakaian dan perhiasan,
 - d. Mendedahkan tubuh badan dan melenggang lenggok ketika berjalan.

Pandangan Mufasssirun

1. Al-Farra' berkata bahawa pakaian yang nipis dan membentuk tubuh (mensifati lekuk-lekuk tubuh) inilah yang disebut *tabarruj*. (Ibnu al-Jawziyy, 1989).
2. Al-Syaukani berpendapat bahawa *tabarruj* ialah wanita yang suka mempamerkan perhiasan dan kecantikannya yang wajib ditutup supaya mencetuskan rangsangan syahwat kepada lelaki ajnabi. (al-Syaukani, 1991).
3. Wanita yang suka keluar dan berjalan di tengah-tengah khalayak ramai sambil mendedahkan tubuh badan dan perhiasan juga merupakan *tabarruj*. Dan Qatadah juga berpendapat bahawa *tabarruj* adalah wanita yang sengaja menggoyangkan pinggulnya ketika berjalan serta memainkan matanya. (Al-Şābūnī, 1996).
4. Al-Zuhaili menjelaskan bahawa *tabarruj* ialah perbuatan seseorang wanita yang sengaja memperlihatkan auratnya supaya menjadi daya tarikan lelaki asing. (al-Zuhaili, 2002)
5. Mujahid menyatakan bahawa *tabarruj* adalah wanita yang keluar rumah dan berjalan di tengah-tengah lelaki. Ia juga dikenali sebagai *tabarruj jahiliah*. (Ibnu Kathīr, 2003).

Lantaran itu, Zainora Daud (2007) setelah diteliti dengan terperinci, dirumuskan bahawa istilah *tabarruj* ialah semua perbuatan dan tingkah laku wanita yang sengaja direka-reka untuk mendedahkan aurat serta mempamerkan kecantikan atau menonjolkan perhiasan diri sama ada kecantikan wajah, tubuh badan serta gaya berjalan supaya menjadi daya tarikan serta perhatian dan ransangan nafsu seksual di kalangan lelaki asing.

BENTUK-BENTUK TABARRUJ

Islam tidak menetapkan satu cara pemakaian yang khusus bagi sesuatu aktiviti, namun ia menetapkan garis panduan yang perlu dipatuhi agar sesuai dengan tuntutan syarak. Ini bererti fesyen yang dipakai dan digayakan oleh seorang Muslimah mestilah selari dengan ketetapan hukum syarak. Jilbab atau pakaian yang menutup aurat hendaklah berwarna gelap seperti kelabu, perang dan tidak berwarna garang. Tidak dihias sehinggakan membawa kepada elemen *tabarruj* yang dilarang syarak (Wan Muhammad, 1979). Syeikh al-Sya'rawi menjelaskan bahawa wanita Islam wajib menutup aurat kerana pemberat yang diletakkan oleh syarak dalam menjaga masalah wanita Islam ialah tentang maruah. Rasulullah s.a.w berdoa supaya aurat perempuan sentiasa terpelihara, ini membuktikan kepada kita bahawa menjaga aurat perkara penting apatah lagi untuk menghiasinya (Zaharudin, 2013). Jumhur ulamak telah bersepakat mengambil istinbat daripada petikan ayat al-Quran menyatakan bahawa hukum menutup aurat adalah wajib. Ini berdasarkan banyak bukti yang dirakamkan oleh al-Quran dan hadis Nabi tentang kefardhuan menutup aurat itu. Antaranya dalam firman Allah s.w.t dalam surah al-A'raf 7: 26.

يٰۤاٰدَمُ قَدْ اَنْزَلْنَا عَلَيْكَ لِبَاسًا يُّرِي سَوْءَتِكَمْ وَرِيشًا وَلِبَاسًا
الْتَّقْوٰى ذٰلِكَ خَيْرٌ ذٰلِكَ مِّنْ اٰيٰتِ اللّٰهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُوْنَ

Maksudnya: "Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah daripada tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya) supaya mereka mengenang-Nya (dan bersyukur).

Dalam Surah An-Nur 24: 31 pula Allah s.w.t berfirman yang bermaksud:

"Katakanlah kepada wanita yang beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang biasa nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka atau putera-putera suami mereka atau saudara-saudara mereka atau putera-putera saudara lelaki mereka atau putera-putera saudara perempuan mereka atau wanita-wanita Islam atau hamba-hamba yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung".

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Ahzab 33: 33; yang bermaksudnya: Dan janganlah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri (bertabarruj) seperti dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu (yakni semasa keluar hendaklah mereka memakai pakaian yang sopan dan

janganlah mendedahkan aurat seperti cara kaum jahiliyah)

Menurut Syeikh Abdullah Basmeih (2001), ayat ini ditujukan kepada *ummahat Al-Mu'minin* iaitu para isteri Rasulullah s.a.w namun hukum beramal dengan ayat ini adalah berbentuk umum. Iaitu melibatkan semua wanita kerana umum Allah telah memberikan arahan supaya kaum wanita berada di rumah dan tidak perlu keluar sekiranya tiada keperluan. Mereka juga dilarang daripada bertabarruj seperti mana wanita jahiliyah dahulu apabila keluar rumah.

TABARRUJ YANG DIBENARKAN SYARIAT ISLAM

Bercelak

Islam membenarkan bercelak mengikut garis panduan sepertimana yang telah ditetapkan dalam Islam. Berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin Jubayr r.a mengharuskan penggunaan celak kepada para muslim. Ini kerana kelebihan mengamalkan celak sangat banyak.

عن سعيد بن جبیر عن ابن عباس أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: "إن من خير أحوالكم الإثم إذ إنه يجلو البصر وينبت الشعر".

Maksudnya: Daripada ibn Abbas berkata Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya sebaik-baik celak ialah celak *ithmad*, ia boleh mencerahkan mata dan menumbuhkan rambut. (Sunan Abi Daud, Kitab al-Zinah, bab al-Kahl, no: 5113).

Hadis ini membuktikan keharusan penggunaan celak atau *ithmad* dan faedah yang diperoleh oleh sesiapa yang menggunakannya, bahkan ia adalah sunnah Nabi Muhammad s.a.w (Muhammad Uthaimin, 2016). Hadis tersebut menunjukkan celak bukan sahaja untuk wanita bahkan dibolehkan kepada kaum lelaki. Zaydan (1994) berpendapat bahawa bermekap sama ada dengan menggunakan *eye shadow*, mewarnakan pemerah pipi atau mulut dengan *lipstick* adalah harus sekiranya menepati syarat-syarat berikut:

1. Bukan bertujuan untuk meraih perhatian lelaki ajnabi
2. Sekiranya dengan bermekap akan mengundang fitnah, maka hendaklah dielakkan dan hukumnya haram
3. Bahan atau barangan mekap ini adalah selamat dan suci menurut pandangan syarak.

Memakai Alat-alat Solek

Zainora Daud (2007), wanita Moden kini amat menggemari alat-alat kosmetik atau alat-alat solek seperti bedak pemerah pipi, gincu, *mascara*, krim pemutih wajah dan lain-lain. Islam tidak melarang wanita berhias atau *bermake-up* di hadapan suami dan mahramnya tetapi mengharamkan penggunaan alat-alat solek yang berlebih-lebihan sehingga menimbulkan fitnah dan menarik perhatian lelaki

asing ketika berada di luar rumah walaupun ia berpakaian menutup aurat (Al-Jamal, 1985)

Mewarnakan rambut

Islam turut membenarkan umat Islam dalam mewarnakan rambut dan kuku. Tetapi hendaklah mengikut syarat dan keperluan yang dibenarkan dalam Islam. Menurut Zaydan (1994), dalam bukunya *al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah* menyatakan bahawa, wanita yang telah berkahwin atau bersuami hukumnya harus mewarnakan rambutnya dengan warna hitam sama ada secara sengaja, kerana rambutnya beruban dan menganggap ini merupakan berhias untuk suami, maka diharuskan. Ini juga menepati *maqasid Syariah* iaitu menjaga kepentingan dalam beragama. Tidak berbangkit isu berlaku unsur penipuan isteri terhadap suami kerana suami sedia maklum tentang keadaan usia sebenar isterinya (Zaydan, 1994). Manakala wanita yang belum berkahwin hukumnya haram mewarnakan rambut dengan warna hitam kerana boleh dituduh membuat anasir penipuan terhadap lelaki yang memintangnya supaya kelihatan muda dan sebagainya (Zaydan, 1994). Ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah r.a yang bermaksud:

Daripada Jabir bin Abdullah beliau berkata: Abu Quhafah ayah kepada Abu Bakar al-Siddiq telah hadir pada hari pembukaan kota Mekah dalam keadaan kepala dan janggutnya putih seperti al-Thagamah. Rasulullah s.a.w bersabda: tukarkanlah warna hitam ini kepada sesuatu warna lain dan jauhilah daripada menukarkannya kepada hitam. (Sahih Muslim. Kitab Al-Libas Wa Al-Zinah. Bab Istihbab Khidhab al-Shaib Bisufrati au Hamrati wa Tahrimuhu bi al-Sawab. No: 2103).

Ijmak Ulama mengharuskan kepada para mujahidin untuk mewarnakan rambut semasa perang dengan alasan, ini boleh mendatangkan gerun pihak musuh.

Inai

Begitu juga dalam hal mewarnakan kuku atau inai bagi umat Islam terutama bagi wanita muslimah dalam berhias. Muhd Suffian Hamzah (2017), menyatakan terdapat hadis Rasulullah s.a.w yang menyuruh wanita yang telah berkahwin agar memakai inai di tangan bagi membezakan antara lelaki dan perempuan. Sabda Nabi s.a.w seperti di dalam hadis berikut bermaksud:

Daripada Aisyah r.a berkata: seorang perempuan telah menghulurkan sebuah kitab kepada Rasulullah s.a.w di sebalik tabir, Rasulullah s.a.w menarik semula tangan Baginda (tidak mengambil kitab tersebut) lalu bersabda "Aku tidak pasti adakah tangan ini tangan lelaki atau tangan perempuan? Perempuan tersebut menjawab "bahkan tangan perempuan wahai Rasulullah s.a.w. Lantas Rasulullah s.a.w bersabda "seandainya kamu perempuan hendaklah kamu mewarnai kuku kamu iaitu dengan inai". (Sunan Abi Daud. Kitab Al-Tarajjul, Bab fi Khidhab al-Nisa, No:4166).

Al-Albani menyatakan bahawa taraf hadith ini adalah hadith hassan Al-Imam al-Syafie mengharuskan untuk wanita yang telah berkahwin untuk mewarnai kuku tangan dan kaki dengan inai, namun makruh hukumnya kepada mana-mana wanita yang belum berkahwin untuk melakukannya kerana dibimbangi boleh mendatangkan fitnah dan mudarat yang lain (Zaydan, 1994).

Emas dan Perak

Zainora Daud (2007), wanita boleh memakai emas dan perak di dalam aspek perhiasan menurut syariat Islam seperti hiasan gelang, cincin, sepi rambut, anting-anting dan lain-lain sebagaimana menurut hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dar Abu Musa al-Asy'ari r.a bermaksud:

Daripada Abu Musa al-Asy'ari r.a, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda bahawa: Diharamkan memakai pakaian sutera dan emas ke atas kaum lelaki dan diharamkan bagi kaum wanita. (Sunan al-Tirmidhiyy, kitab (k) 21, bab (b) 1, bil.1720, juzu' 4, hlmn 5).

Walaupun Islam mengharuskan pemakaian emas dan perak sebagai perhiasan untuk wanita tetapi makruh hukumnya apabila barang-barang perhiasan tersebut dipakai semata-mata untuk diperlihatkan kepada orang lain. ('Uwaydah, 1996). Bahkan perhiasan seperti itu, boleh mencetuskan fitnah sekiranya dilihat kepada lelaki asing (Al-Athiriyy, 2003).

Sutera

Sutera asli itu diperbuat daripada kepompong ulat sutera. Wanita boleh memakainya untuk sebarang jenis bentuk kegunaan sama ada perhiasan dan pakaian seperti baju, tudung dan sebagainya. Ini bertepatan dengan pandangan Ibnu Abd al-Bar dan al-Nawai bahawa wanita diharuskan memakai pakaian sutera dan perhiasan emas dan perak dengan berdasarkan daripada hadis-hadis sahih. Keharusan memakai sutera ini hanya dituntut di hadapan suaminya ('Al' al-Mudifar, 2002). Bahkan keharusan ini juga disokong dengan hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik bahawa ia pernah melihat Ummu Kalsom memakai kain bergaris yang diperbuat dari sutera yang bermaksud:

Daripada al-Zuhri berkata: Aku telah diberitahu oleh Anas bin Malik bahawa dia melihat Ummu Kalsom a.s iaitu anak perempuan Rasulullah memakai kain bergaris yang diperbuat daripada sutera. (Al-Bukhari, kitab (k) 77, bab (b) 30 bil. 5842, juzu' 7, hlmn 113)

Memakai Wangi-wangian

Wanita dibenarkan memakai wangi-wangian hanya untuk suaminya sahaja tetapi diharamkannya ketika keluar dari rumah kerana akan mengundang fitnah dan bahaya walaupun mendapat keizinan dari walinya (Khalifah, 1984). Abu Syuqqah juga turut

menggariskan larangan memakai wangian bagi wanita iaitu:

1. Ketika keluar rumah dengan bau wangian yang semerbak walaupun pergi menghadiri masjid.
2. Sengaja untuk mempamerkan dan membangkitkan nafsu syahwat lelaki (Abu Syuqqah, 1995).

Islam turut memperjelaskan ciri-ciri wangian yang boleh dipakai oleh kaum wanita dan lelaki bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasai dan al-Tirmizi dari Abi Hurairah r.a bahawa Nabi bersabda yang bermaksud:

“Rasulullah s.a.w bersabda bahawa: wangian bagi lelaki adalah apa yang nyata baunya dan tidak Nampak warnanya dan wangian bagi wanita pula apa yang nyata warnanya dan tiada baunya. (Sunan al-Nasa’iyy, kitab (k) 48, bab (b) 32, bil 32, juzu’ 7, hlmn 111).

TABARRUJ YANG DILARANG

Islam juga turut menggariskan bentuk-bentuk tabarruj yang dilarang ke atas wanita berdasarkan ayat al-Quran dan hadis demi memelihara kemaslahatan dan kesejahteraan wanita agar tidak menimbulkan fitnah dan menyebabkan keruntuhan moral serta iman di hati mereka. Zainora Daud (2007), larangan *tabarruj* itu juga disebabkan kerana perbuatan tabarruj boleh mendorong kepada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku kerana terdapat di kalangan lelaki yang amat tertarik ketika melihat kepada kasut wanita, baju dan perhiasannya daripada melihat wajah wanita tersebut sehingga mencetuskan fitnah. Justeru itu, Allah melarang wanita mendedahkan perhiasan dirinya hatta melalui bunyi kerana Allah mengetahui sifat makhluk lelaki ciptaanNya (Sayyid Qutb: 1981). Firman Allah s.w.t dalam surah al-Nur 24: 31.

وَلَا يَصْرِيحْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَثَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيَّةَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: Dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka. Berikut merupakan antara tabarruj yang dilarang oleh syariat Islam:

Mengubah Ciptaan Allah

Zainora Daud (2007), syariat Islam melarang keras wanita yang suka mengamalkan *tabarruj* sehingga mengubah ciptaan Allah seperti membuat pembedahan plastik, kosmetik, membuat tatu, mencukur kening dan sebagainya yang bertujuan untuk kecantikan sahaja. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari daripada Abdullah yang bermaksud:

“Allah telah melaknat wanita yang membuat tatu di kulitnya dan yang meminta supaya ditatukan kulitnya dan yang meminta supaya dihilangkan rambut pada wajahnya serta wanita yang merenggangkan giginya kerana kecantikan dengan mengubah ciptaan Allah. “Mengapa saya tidak boleh mengutuk orang yang dikutuk nabi sedang telah dinyatakan dalam al-Quran. Apa yang dibawa kepadamu oleh Rasulullah maka terimalah dan apa yang ia dilarang kamu tinggalkan

(jauhilah)”. (Al-Bukhari, kitab (k) 77, bab (b) 82, bil 5931, juzu’ 4, hlmn 125).

Hadis ini jelas menunjukkan larangan dan pengharaman Allah kepada wanita yang ingin kelihatan cantik tetapi telah mengubah apa yang telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepadanya dengan kaedah yang telah disebutkan seperti di atas.

Pembedahan Kecantikan

Syeikh Muhammad ‘Uthaimin turut menjelaskan dalam konteks mengubah ciptaan Allah pembedahan kecantikan yang dibenarkan dan dilarang menurut perspektif Islam iaitu:

1. Pembedahan kecantikan yang dilakukan untuk mengembalikan rupa bentuk asal manusia seperti disebabkan kecacatan, kemalangan, penyakit dan sebagainya adalah diharuskan kerana kecacatan itu seumpamanya akan memberi impak dari sudut kesihatan diri dan psikologi. Bahkan Nabi s.a.w pernah memberi kebenaran kepada seorang sahabat yang terpotong hidungnya ketika dalam peperangan untuk menggantikannya dengan hidung yang diperbuat daripada emas yang bermaksud:

“Rasulullah telah menyuruh aku menggantikannya dengan hidung yang diperbuat daripada emas”. (Sunan al-Tirmidhiyy, kitab (k) 25, bab (b) 31. Bil 1770, juzu’ 5, hlmn 80)

2. Pembedahan kecantikan yang dilakukan untuk mengubah ciptaan Allah s.w.t kerana mengikut hawa nafsu agar kelihatan lebih jelita seperti meninggikan hidung agar bertambah mancung dan lain-lain adalah haram. Ini berdasarkan hadis nabi yang melaknat wanita yang mencukur bulu alisnya dan wanita yang meminta dicukurkan bulu alis perbuatannya, wanita yang membuat tatu dan yang meminta dibuatkan tatu (Ashraf ibn ‘Abd al-Maqsud ‘Abd Rahim, 1991). Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah Al-Nisa’ 4: 118-119 yang bermaksud:

“Yang telah dilaknat oleh Allah dan yang telah mengatakan: Demi sesungguhnya aku akan mengambil dari kalangan hamba-hambaMu, bahagian yang tertentu (untuk menjadi pengikutku). Dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan dan demi sesungguhnya, aku akan menyuruh mereka (mencatitkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah binatang-binatang itu dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah. Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata.”

Walau bagaimanapun hukum tersebut diharuskan jika bertujuan untuk perubatan tetapi jika untuk kecantikan ia merupakan perbuatan yang tercela (Al-‘Asqalani, 1996).

Membuat Tatu

Tatu ialah tanda pada badan yang dibuat dengan melarik dan mencucuk serta memasukkan warna iaitu dengan mencacahnya (Noresah Baharom, 2005). Justeru itu membuat tatu ialah menusukkan jarum seumpamanya di belakang genggam tangan atau pergelangan tangan, muka, bibir mulut atau anggota badan lain sehingga mengalirkan darah ('Abd 'Aziz "Amru, 1983). Kemudian celak dan seumpamanya dimasukkan ke tempat tusukan tersebut, sehingga menyebabkan ia berwarna hijau ('Abd 'Aziz "Amru, 1983). Islam melarang umatnya bertatu. Ini berdasarkan dengan hadis Nabi s.a.w. yang bermaksud:

"Daripada Abi Raihannah berkata: telah sampai kepada kami, sesungguhnya Rasulullah s.a.w melarang perbuatan mengikir gigi dan membuat tatu". (Sunan al-Nasaiyy, kitab (k) 48, bab (b) 27, bil. 5111, juzu' 7, hlmn 110.

Zainora Daud (2007), para fuqahak berpendapat anggota badan yang menjadi tempat menanam atau menusuk tatu itu hukumnya najis kerana terdapat darah beku di dalamnya, jika kesannya boleh dihilangkan atau dihapuskan maka wajib dihilangkan serta merta asalkan ia tidak membahayakan. Tetapi jika dibimbangkan berlaku sesuatu situasi yang membahayakan atau memudharatkan anggota badan maka tidak wajib dihapuskan tempat itu, memadai sebagai taubat untuk menggugurkan dosa (Al-Khin & Al-Bugha, 2000).

Mencukur rambut atau mencukur kening

Dalam buku Fatawa al-Nisa', Ibnu Taimiyyah menjelaskan bahawa haram wanita memotong rambut menyerupai rambut lelaki kerana Rasulullah s.a.w melaknat perempuan yang menyerupai lelaki (Al-Tahtawiyy, 2003). Potongan rambut seperti kaum kafir juga di haramkan di sisi Islam. Para ulamak berselisih pendapat sekiranya potongan rambut wanita seperti lelaki, ada sebahagian ulamak berpendapat harus, haram dan makruh. Tetapi pandangan yang paling mahsyur di sisi mazhab Imam Ahmad ialah makruh. (Ashraf Ibn Abd al-Maqsud, 1991). Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i, al-Tirmizi dan Abu Daud daripada Ali bahawa nabi bersabda yang bermaksud:

Dari Ali r.a katanya: "Rasulullah s.a.w melarang kalua wanita itu mencukur rambutnya." (Sunan al-Nasaiyy, kitab (k) 48, bab (b) 4, bil. 5064, juzu' 4, hlmn 471).

Begitu juga dengan hadis yang melarang wanita mencukur keningnya. Sabda Nabi s.a.w: yang bermaksud:

Nabi s.a.w melaknat orang yang mencabut bulu kening dan orang yang meminta dicabut bulu keningnya. (Al-Bukhari, kitab(k) 77, bab (b) 84, bil. 4886, jil.8 hlmn 640).

Zainora Daud (2007), Al-Nawawi menjelaskan bahawa *al-Namisah* ialah orang yang mencabut bulu kening orang lain dan menipiskannya agar kelihatan menarik. Dan *al-Mutanammisah* pula ialah wanita yang meminta orang lain agar alisnya dicabut dan ini

semua adalah perbuatan yang diharamkan dalam Islam (Khawlah, 2002). Mencabut bulu itu ialah menghilangkan bulu yang ada di wajah mereka iaitu bulu alis mata ('Abd Mun'im Qindil, 1989). Perbuatan ini dilarang oleh Islam berdasarkan hadis yang telah dinyatakan di atas. Oleh itu, wanita tidak boleh melakukan apa yang telah dilarang oleh Allah.

Memakai Rambut Palsu atau Menyambung Rambut

Perbuatan menyambung rambut dengan menggunakan rambut lain sama ada rambut palsu atau rambut manusia supaya kelihatan lebih cantik dan menawan adalah dilarang oleh syariat Islam (Al-Mahariyy, 1991). Ini bertepatan dengan hadis Nabi s.a.w seperti berikut yang bermaksud:

"Daripada Aisyah r.a ia berkata: "Sesungguhnya seorang jariah dari kalangan kaum Ansar berkahwin, oleh kerana sebelumnya beliau pernah menderita sakit sehingga gugur semua rambutnya, keluarganya ingin menyambung rambutnya (memakai rambut palsu). Maka mereka bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang perkara tersebut tetapi Rasulullah mencela orang yang menyambung rambut dan minta supaya disambungkan rambutnya. (Sahih Muslim, kitab (k) 48, bab (b) 15, bil. 5091, juzu' 4, hlmn 482).

Mewarna Rambut

Wanita diharamkan mewarnakan rambut jika ia menyerupai perempuan kafir, tetapi dibolehkan jika warna rambutnya rosak serta menimbulkan rupa paras yang hodoh dan disunatkan sekiranya ingin mewarnakan rambut yang beruban dengan warna selain daripada warna hitam (Al-Athariyy, 2003). Ini bertepatan dengan satu hadis Nabi s.a.w yang melarang perbuatan menghitamkan rambut yang beruban, diriwayatkan oleh Muslim dari Jabir yang bermaksud:

Dari Jabir r.a katanya: "Rasulullah didatangi oleh para sahabat dengan disertai oleh Abu quhafah iaitu ayahnya Abu Bakar al-Shiddiq r.a pada hari pembebasan kota Mekah sedang kepala dan janggutnya Abu Quhafah itu sudah putih bagaikan bunga thaghamah, kemudian Rasulullah s.a.w bersabda: "Ubahlah olehmu semua warna putih itu tetapi jauhilah iaitu jangan menggunakan warna hitam". (Sunan al-Nasaiyy, kitab (k) 48, bab (b) 15, bil 5091, juzu' 4, hlmn 482)

Merenggangkan Gigi

Al-Wasyr ialah mengikir gigi supaya menjadi licin dan tipis. Terdapat segelintir wanita yang suka mengikir atau mengikis gigi supaya kelihatan lebih cantik dan menawan tetapi perbuatan ini dilarang oleh Rasulullah s.a.w dalam hadis berikut yang bermaksud:

Allah telah melaknat wanita yang membuat tatu di kulitnya dan yang meminta supaya ditatukan kulitnya dan yang meminta supaya dihilangkan rambut pada wajahnya serta wanita yang merenggangkan giginya kerana kecantikan dengan mengubah ciptaan Allah, "Mengapa saya tidak boleh mengutuk orang yang

dikutuk nabi sedang telah dinyatakan dalam al-Quran. Apa yang dibawa kepadamu oleh Rasulullah maka terimalah dan apa yang ia dilarang kamu tinggalkan (jauhilah). (Al-Bukhari, kitab (k) 77, bab (b) 82, bil 5931, juzu' 4, hlmn 125).

Perkataan *al-Mutafallijah* ialah bermaksud orang yang mengikir gigi supaya menjadi renggang sedikit antara gigi-gigi yang berdekatan agar kelihatan cantik dan indah (Al-Tayyibiy, 1998)

Memanjangkan Kuku

Islam mengharamkan wanita yang suka memanjangkan kuku sebagai perhiasan atau kecantikan diri kerana ia menjadi salah satu penyebab fitnah. Bahkan situasi tersebut akan menghalang air wudhuk sampai ke siku sehingga menyebabkan wudhu' tidak sah (Al-Jamal, 1985). Ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari bahawa:

أَخْبَرَنَا قُتَيْبَةُ، عَنْ مَالِكٍ، عَنِ الْمُقْبَرِيِّ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ
خَمَسُ مِنَ الْفِطْرَةِ تَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ وَقَصُّ الشَّارِبِ وَتَنْفُ الْإِبْطِ
وَحَلْقُ الْعَانَةِ وَالْجَنَانِ.

Maksudnya: Daripada Abi Hurairah r.a berkata: Rasulullah bersabda: Ada lima perkara yang dikategorikan sebagai sifat semulajadi seseorang manusia iaitu berkhatan, mencukur bulu kemaluan wanita, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan menggunting misai. (Sunan al-Nasaiyy, kitab (k) 48, bab (b) 2, bil. 5047, juzu' 7, hlmn 94).

KESIMPULAN

Wanita diwajibkan untuk menjaga auratnya yang meliputi keseluruhan anggota badan kecuali muka dan tapak tangan. Oleh itu, wanita wajib menutup anggota tersebut dengan pakaian. Islam tidak menetapkan jenis pakaian yang perlu dipakai oleh seorang wanita. Tetapi Islam telah membuat garis panduan pakaian yang dibenarkan oleh syarak. Peredaran zaman dan masa telah membawa kepada perubahan dalam pakaian bagi seorang wanita Islam sehingga membawa kepada fesyen-fesyen yang terkini. Fesyen terkini yang dibawa oleh pereka fesyen ada yang boleh diterima sebagai busana seorang muslimah. Tetapi ada yang tidak menepati syarak dan boleh dikaitkan dengan pakaian yang bertabarruj. Beberapa panduan telah diberikan oleh al-Quran dan al-Hadis tentang perkara tabarruj. Manusia pada fitrahnya tidak kira lelaki atau perempuan menyukai penampilan diri dan perhiasan yang cantik, bersih, indah dan kemas. Islam tidak bertentangan dengan fitrah ini. Oleh itu, Islam telah menetapkan adab sebagai garis panduan dalam berhias diri agar tidak tersasar dari syariat Islam iaitu tabarruj. Batasan berhias yang ditetapkan oleh syarak bukanlah satu penyekatan, tetapi sebagai pemelihara diri dan kemurnian akhlak seperti mengelak diri dari fitnah atau gangguan lelaki asing, menjauhkan diri dari sifat berlebih-lebihan atau bermegah-megah. Bahkan adalah untuk memelihara

kesopanan dan tidak menimbulkan fitnah bagi seorang wanita.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim
Abdullah Sulong, Norliza Ahmad. 2010. *Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat*. Satu Kajian di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor
Abul A'la Maududi, Terjemahan Dr Mat Sa'ad Abd Rahman. 1985. *Sikap Islam Terhadap Pakaian*, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, Selangor.
Achyar Zein, Ardiansyah & Firmansyah. 2017. Konsep Tabarruj Dalam Hadis: Studi Tentang Kualitas Dan Pemahaman Hadis Mengenai Adab Berpakaian Bagi Wanita, *At-Tahdis, Journal Of Hadith Studies* 1(2) (64-68)
Adeeba Hanifah. 2018. *Pemandangan Pemakaian Bersyariat*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
Ahmad Fauzi. 2016. Pakaian Wanita Muslimah Dalam Perspektif Hukum Islam, *IQTISHODIA Jurnal Ekonomi Syariah* 1(1)(41-58)
Ahmad Mustami. 2015. Pendidikan Islam Dalam Peradaban Industri Fashion, *Jurnal Studia Islamika* 12 (1),(167-178)
Ahmad Yusuf Liey. 2010. Etika Berpakaian Menurut Islam. <https://www.scribd.com/doc/61972007/Etika-Berpakaian-Menurut-Islam>
Arasinah Kamis, A. Rahim Bakar, Ramlah Hamzah & Soaib Asimirin. 1985). Keperluan Kompetensi Rekaan Fesyen Pakaian (Refp) Dalam Industri Fesyen. *Jurnal Perspektif* 5(2):60-74.
Asmawati Suhid, Mohd Faizal Mohd Zain, Abdul Musin Ahmad & Mohd Aderi Che Noh. 2013. Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum, *The Online Journal Of Islamic Education* 1(1). (40-47)
Bahrun Ali Murtopo. 2017. Etika Berpakaian Dalam Islam: Tinjauan Busana Wanita Sesuai Ketentuan Islam; *Jurnal Pemikiran Keislaman Dan Kemanusiaan*, Institut Agama Islam Nahdatul Ulama (IAINU), Kebumen, Indonesia.(48)
Henderi Kusmidi. 2016. Konsep Batasan Aurat Dan Busana Muslimah Dalam Perspektif Hukum Islam *Jurnal El-Afkar* 5(2).(98-104)
Jawiah Dakir. 2000. *Pakaian Dan Perhiasan Wanita Menurut Perspektif Islam, Terengganu*. Yayasan Islam Terengganu.
Melia Ilham. 2017. *Konsep Busana Muslimah Menurut Tafsir Al-Mishbah*. Fakultas Dakwah Dan Komunikasi, Universiti Islam Negeri (UNI) Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh, Indonesia. (8-27)
Mohd Suffian bin Hamzah. 2017. *Amalan Berfesyen Yang Menutup Aurat Dalam Kalangan Guru-*

- Guru Islam Daerah Gombak*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Azizul Osman. 2017. *Bangi Jadi Lubuk Peminat Jenama Fesyen Tempatan*, Malaysia Gazzete Sprout Your Mind <https://malaysiagazette.com/2017/06/26/bangi-jadi-lubuk-peminat-jenama-fesyen-tempatan/>
- Muhammad Hisyam, Endang Turmudi, Dwi Purwoko & Widjajanti M. Santoso. 2019. *Fesyen Muslimah Dan Transformasi Kultural*, LIPI Press.
- Nazirah Lee. 1985. Transformasi Fesyen Pakaian Muslim Di Semenanjung Tanah Melayu, 1930-1940. *Jurnal Perspektif* 6(3):68-80.
- Ni'mat Sidqi. 2004. At-Tabarruj, Siri Tarbiyyah, *Retype&Relayout Pada 12.25pm 6 Zil Hijjah 1424H/28 Jan 2004, K.B, Bds*
- Nurul Nashirah binti Abdul Karim. 2018. *Garis Panduan Solekan Bagi Wanita Berkerjaya Menurut Perspektif Islam*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Farahain binti Ismail. 2015. *Tahap Kefahaman Dan Pengalaman Terhadap Batas-Batas Syarak Dalam Kalangan Wanita Bekerjaya Di Kota Bharu Kelantan*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farawahida Mohd Yusof & Muhammad Amir Wan Harun. 2016. Fesyen Wanita Menurut Perspektif Islam Dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Fizikal Dan Spiritual, *Jurnal Sains HUMANIKA* 8(3):65-71.
- Rokiah Ahmad. 2008. *Mengapa Aurat Haram Didedah? Satu realiti Masa Kini*. Pustaka Haji Abdul Majid; Batu Caves, Selangor (5-27)
- Ruhayati Idayu Mohd Baharom. 2011. *Isu Tabarruj*, Scribd <https://www.scribd.com/document/47891568/Isu-Tabarruj>.
- Saadah Ibrahim. 2012. *Tahap kefahaman dan amalan terhadap kefarduan menutup aurat di kalangan pelajar di tiga buah sekolah Menengah agama Daerah Pekan*. Fakulti Sains Sosial gunaan, Open University Malaysia.(16-28)
- Sarimah Nordin. 2017. *Fenomena Tabarruj Dalam Kalangan Guru Wanita Muslimah Di Daerah Sabak Bernam, Selangor*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sarimah Nordin, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Mohd Al'ikhsan Ghazali. 2016. Fenomena Tabarruj Masa Kini Dalam Kalangan Wanita Muslimah, *Proceedings Of The International Conference On Education Towards Clobal Peace 30 Nov- 1 Dis 2016*, Universiti Teknologi Malaysia. (2-10)
- Siti Sarah Zainal Abidin & Mohd Nawi Ismail. 2018. Busana Muslimah Menurut Perspektif Al-Quran Dan Al-Hadith. *Jurnal INSANIAH: Online Journal of Language, Communicatin And Humanities*.(61-70)
- Shofian Ahmad, Lotfiah Zainol Abidin. 2004. *Aurat Kod Pakaian Islam*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin Sapar. 2013. Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Islam Politeknik Malaysia *The Online Journal Of Islamic Education* 1(1).(21-25)
- Zainora Binti Daud. 2007. *Amalan Tabarruj Di Kalangan Muslimah Bekerjaya Serta Hubungkaitnya Dengan Kes-Kes Gangguan Seksualiti: Kajian Kes Di Daerah Hulu Langat*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulfahmi Hasyim. 2012. Perempuan Dan Feminisme Dalam Perspektif Islam, *MUWAZAH* 4(1)(71-81).
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2016. Hukun Memakai Pakaian Wanita Mengikut Fesyen Moden, *IRSYAD AL-FATWA KE 140, IRSYADAL-FATWA*, Pejabat Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa-umum/2018-irsyad-al-fatwa-ke140-hukum-memakai-wanita-mengikut-fesyen-moden>.

Siti Zanariah Husain,
siti180175@gmail.com
Pelajar Siswazah,
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

Muhammad Adib Samsudin,
adib@ukm.edu.my
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

| | |
|--|-------|
| Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat <i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i> Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub, Jasni Sulong | 1-11 |
| Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia <i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i> Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhammad | 12-21 |
| Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan <i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari | 22-31 |
| Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāsid Al-Sharī‘ah <i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāsid Al-Sharī‘ah</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari | 32-42 |
| Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law Fahad Mubarak Aldossary | 43-54 |
| Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur <i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i> Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin | 55-64 |
| Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur <i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i> Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain | 65-75 |
| Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan <i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i> Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya | 76-85 |

| | |
|--|---------|
| <p>Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective</p> <p>Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang</p> | 86-94 |
| <p>Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian</p> <p><i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i></p> <p>Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap</p> | 95-104 |
| <p>Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan</p> <p><i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i></p> <p>Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p> | 105-113 |
| <p>Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan <i>Tabarruj</i>: Satu Tinjauan Literatur</p> <p><i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i></p> <p>Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin</p> | 114-126 |
| <p>Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur</p> <p><i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i></p> <p>Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad</p> | 127-134 |
| <p>Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi</p> <p><i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i></p> <p>Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p> | 135-145 |
| <p>Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya</p> <p><i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implimentation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i></p> <p>Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria</p> | 146-154 |
| <p>حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية</p> <p><i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i></p> <p>A.B. Mahroof</p> | 155-170 |

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.